# REJAMAN EMAS PERTAMA SARAWAK

August 7, 2016, Sunday

***Sarawak lancar misi pertahan kejuaraan Sukan Paralimpiad raih satu pingat emas setiap warna***

// Oleh Harry Ilias //

Borneo Post




GEMBIRA: (Dari kiri) Jatin, Jamal dan Jenson memberi ‘pose’ istimewa selepas majlis penyampaian hadiah.

KUCHING: Sarawak memulakan misi mempertahankan kejuaraan Sukan Paralimpiad Ke-18 dengan merangkul satu emas, satu perak dan satu gangsa pada hari pertama temasya itu semalam.

Olahraga menghadiahkan pingat emas pertama selepas Jamal Nasir Zulkipli mengungguli acara merejam lembing kategori (600GM) F55/F56 Lelaki.

Beliau mencatat rejaman sejauh 18.26 meter untuk menewaskan atlet Sabah, Jatin Moginza yang mencatat rejaman sejauh 15.44 meter.

Manakala, gangsa milik Jenson dari Perak meraih gangsa selepas mencatat 14.28 meter.

“Bangga selepas berjaya menyumbang pingat emas pertama untuk Sarawak.

“Terima kasih kepada jurulatih dan rakan sepasukan yang telah membimbing saya selama empat bulan sebelum menghadapi kejohanan kali ini,” menurut Jamal ketika ditemu ramah semalam.

Atlet berusia 35 tahun itu berkata beliau berdepan saingan sengit dari pencabar negeri lain dan tidak menjangka dapat memenangi emas dalam acara kegemarannya itu.

Menurutnya, beliau akan turun dalam satu lagi acara kegemarannya, melontar peluru pada Isnin ini.

Tuan rumah turut merangkul gangsa dalam acara olahraga menerusi atlet lontar peluru, Stanley Ngo selepas mencatat lontaran sejauh 7.81 meter dalam kategori 7.26kg F13 Lelaki.

Emas dimenangi Muhammad Al Hafiz Abu Hassa dari Pulau Pinang dengan lontaran sejauh 8.82 meter manakala perak dimenangi atlet Johor, Badrul Hisam Musa dengan lontaran sejauh 8.61 meter.

Acara badminton yang turut membuka saingan di Kompleks Sukan UNIMAS semalam menyaksikan Sarawak merangkul pingat perak selepas tewas di tangan Perak dengan 2-1 dalam acara berpasukan.

Hari ini, 68 lagi pingat emas ditawarkan dengan melibatkan enam acara sukan.

Olahraga paling mencuri tumpuan apabila mempertandingkan 34 lagi pingat emas manakala tenpin boling yang bermula hari ini di Pusat Boling Megalane, Batu Kawa mempertandingkan 18 pingat emas.

Acara pingpong yang turut bermula hari ini di Stadium Tertutup Samarahan mempertaruh tujuh pingat emas dalam acara perseorangan dan beregu.

Turut bermula hari ini acara memanah di Padang UNIMAS yang menawarkan empat pingat emas dan angkat berat dengan dua pingat emas di Dewan Jubli UiTM.

Kontinjen Johor mendahului kutipan pingat hari pertama dengan tiga emas, satu perak dan satu gangsa selepas bermula cemerlang dalam acara olahraga.

Wilayah Persekutuan di tangga kedua dengan dua emas, empat perak dan dua gangsa diikut Perak dengan dua emas dan satu gangsa.

Selangor di tangga keempat dengan dua emas dan satu gangsa manakala tuan rumah Sarawak di tempat kelima.